

21 SEP 1999

Mahathir-Kakitangan

KAKITANGAN AWAM PERLU SETIA PADA KERAJAAN SEMASA, KATA MAHATHIR

KANGAR, 21 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kakitangan awam perlu bersikap profesional dalam menjalankan tugas serta setia kepada kerajaan semasa dan bukannya kepada individu tertentu.

Perdana Menteri berkata ini penting bagi menjamin kelancaran pelaksanaan dasar kerajaan dan pentadbiran negara.

Kakitangan awam perlu mengamalkan prinsip profesional dengan melaksanakan apa juga dasar kerajaan yang dipilih oleh rakyat, katanya pada malis jamuan tengah hari dengan kakitangan awam dan pemimpin politik di negeri ini di kediaman rasmi Menteri Besar di sini.

"Kakitangan awam seharusnya tidak berpihak kepada parti tetapi hanya kepada kerajaan semasa. Dasar dan rancangan kerajaan mesti dilaksanakan dengan profesional walaupun ada pertukaran kerajaan," katanya.

Beliau berkata sekiranya rakyat menukar kerajaan maka kakitangan awam perlu setia kepada kerajaan yang dipilih dan tidak pula patuh kepada kerajaan lama.

"Kakitangan awam tidak perlu setia pada pemimpin tertentu dalam kerajaan tetapi setia kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat," katanya.

Beliau berkata mereka tidak boleh setia lagi kepada pemimpin yang tidak memimpin lagi sebaliknya hanya perlu setia kepada kerajaan.

Dr Mahathir berkata perjalanan pentadbiran kerajaan akan menjadi kucar-kacir sekiranya kakitangan awam setia pada orang tertentu.

"Kakitangan awam tidak harus melibatkan diri dalam perjuangan individu kerana ia bercanggah dengan prinsip profesionalisme mereka dalam menjalankan tugas.

"Penentuan politik hendaklah dibuat oleh orang politik manakala kakitangan awam hanya perlu menumpukan kepada melaksanakan dasar dan rancangan kerajaan yang dipilih oleh rakyat," katanya.

Perdana Menteri berkata: "Kakitangan awam tidak boleh menyatakan pendirian mereka semasa bertugas... jauh sekali boleh menggunakan kedudukan untuk mensabotaj usaha kerajaan."

Beliau berkata langkah itu akan menjamin sesiapa yang menjadi kerajaan akan mendapat perkhidmatan yang baik dan profesional daripada kakitangan awam.

Dr Mahathir berkata rakyat yang akan menderita sekiranya kakitangan awam menggagalkan dasar dan rancangan kerajaan semasa yang dipilih oleh rakyat.

Kakitangan awam boleh membuat pilihan hanya ketika pilihan raya dengan bebas memilih kerajaan mana yang mereka mahu, katanya.

"Kakitangan awam perlu ikut dan taat pada kerajaan semasa tanpa menyoal kebijaksanaan kerajaan atau siapa yang patut menjadi pemimpin," katanya.

Dr Mahathir berkata kakitangan awam mesti tidak mempunyai agenda sendiri atau dorongan lain selain daripada melaksanakan urusan kerajaan sebagai kakitangan yang profesional.

Beliau berkata kesangsian di antara kakitangan awam dan kerajaan akan wujud sekiranya kakitangan awam memburukkan kerajaan di dalam pejabat.

Sekiranya kesangsian itu wujud maka pentadbiran negara tidak akan berjalan dengan lancar, katanya.

Beliau berkata kejayaan dasar dan rancangan kerajaan bergantung kepada kecekapan dan profesionalisme kakitangan awam.

Perdana Menteri bersyukur dan mengucapkan tahniah kepada kakitangan awam kerana hampir kesemua mereka berpegang kepada prinsip profesionalisme.

-- BERNAMA
JM NMO